

## **MUKJIZAT NABI MUHAMMAD (BAHAGIAN 1/3)**

Salah satu mukjizat teragung yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad ialah Quran, pelbagai bentuk mukjizat yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad S.A.W dengan penyaksian oleh ratusan para sahabat, dan dalam sesetengah keadaan mencapai ribuan. Kemukjizatan Nabi Muhammad S.A.W. sampai kepada kita dalam keadaan yang boleh dipercayai dan sangat kukuh periyatannya yang tiada tolak bandingnya dalam sejarah peradaban dunia. Seolah-olah mukjizat itu dilakukan dengan penyaksian mata kita sendiri. Dengan kaedah periyatan yang sangat teliti inilah yang dapat meyakinkan kita bahwasanya Nabi Muhammad S.A.W. melakukan mukjizat tersebut dengan bantuan Allah, oleh sebab itu, kita dapat menyakininya apabila dia menyatakan “*Aku adalah utusan Allah*”.

Mukjizat besar Nabi Muhammad S.A.W. telah disaksikan oleh ribuan dari kalangan orang yang beriman dan orang yang meragukannya, disusuli dengan penurunan ayat-ayat Quran yang menyatakan kejadian-kejadian yang luar biasa. Quran dengan kemukjizatannya meninggalkan kesan yang mendalam kepada orang-orang yang beriman. Golongan-golongan pengkritik yang terdahulu hanya mampu berdiam diri apabila ayat-ayat tersebut dibacakan kepada mereka. Sekiranya mukjizat ini tidak terjadi, sudah pasti mereka akan mengambil kesempatan pada waktu tersebut dengan menyebarkan khabar angin dan mendustakan Nabi Muhammad S.A.W. Tetapi perkara yang sebaliknya berlaku. Orang yang beriman bertambah keyakinannya mengenai kebenaran Nabi Muhammad S.A.W. dan Quran. Hakikat bahwasanya golongan yang beriman bertambah kuat akan keimanan mereka dan golongan yang kafir hanya mampu berdiam diri dan tidak ada satupun perakuan penafian daripada kedua-dua pihak akan kemukjizatan yang berlaku bertepatan dengan apa yang telah Quran terangkan.

Pada bahagian ini kita akan membincangkan beberapa bentuk mukjizat yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W., semoga Allah meredhai dan merahmati nabi kita Muhammad S.A.W.

## **MUKJIZAT DARIPADA ALLAH**

Mukjizat adalah salah satu faktor yang mengukuhkan lagi dakwaan akan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. Sesuatu mukjizat tidak boleh dijadikan dasar kepada kepercayaan dalam diri seseorang, hal ini kerana kejadian luar biasa juga boleh berlaku kepada pengamal sihir dan syaitan. Kebenaran kenabian Nabi Muhammad S.A.W. adalah jelas dan terbukti dengan sebenar-benarnya akan risalah yang dibawakan olehnya, Allah telah menetapkan batas kemampuan ke atas hambanya untuk mengetahui perkara-perkara yang benar terutamanya tentang ke-Esaan Allah walaupun terhad. Bagi mengukuhkan lagi bukti kenabian Nabi Muhammad S.A.W., Allah telah menganugerahkan mukjizat keatas nabinya daripda Musa, Isa sehingga Muhammad S.A.W.. Dengan sebab inilah, Allah tidak anugerahkan mukjizatnya apabila mendapat permintaan daripda penduduk Mekkah, akan tetapi Maha bijaksana Allah telah manganugerahkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. akan mukjizatnya apabila dipilih masa yang dikehendaki olehnya :

*“Dan mereka berkata, “Kami tidak akan percaya kepadamu (Muhammad) sebelum engkau memancarkan mata air dari bumi untuk kami, atau engkau mempunyai sebuah kebun kurma dan angur, lalu engkau alirkan di celah-celahnya sungai yang deras alirannya, atau engkau jatuhkan langit berkeping keatas kami, sebagaimana engkau katakan, atau (sebelum) engkau datangkan Allah dan para malaikat berhadapan muka dengan kami, atau engkau mempunyai sebuah rumah (terbuat) dari emas, atau engkau naik ke langit. Dan kami tidak akan mempercayai kenaikanmu itu sebelum engkau turunkan kepada kami sebuah kitab untuk kami baca. “Katakanlah (Muhammad), “Mahasuci Tuhanku, bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi rasul?”” (Quran 17:90-93)*

Dan Allah berfirman lagi :

*“Dan tidak ada yang menghalangi kami untuk mengirimkan (kepadamu) tanda-tanda (kekuasaan Kami), melainkan kerana (tanda-tanda) itu telah didustakan oleh orang terdahulu. Dan telah kami berikan kepada Samud unta betina (sebagai mukjizat) yang dapat dilihat, tetapi mereka menganiaya (unta betina itu). Dan kami tidak mengirimkan tanda-tanda itu melainkan untuk menakut-nakuti. (Quran 17:59)*

Dan ketika didesak konon-kononya, Allah dengan kebijaksanaanya mengetahui yang mereka tidak akan mempercayainya, dengan itu Allah menolak untuk membuktikan akan kemukjizatannya :

*“Dan mereka bersumpah dengan nama Allah dengan segala kesungguhan, bahawa jika datang suatu mukjizat kepada mereka, pastilah mereka akan beriman kepada-Nya. Katakanlah “Mukjizat-mukjizat itu hanya ada pada sisi Allah”. Dan tahukah kamu, bahawa apabila mukjizat (ayat-ayat) datang, mereka juga tidak akan beriman. Dan (begitu pula) Kami memalingkan hati dan penglihatan mereka seperti pertama kali mereka tidak beriman kepadanya (Al-Quran) dan Kami biarkan mereka bingung dalam kesesatan”. (Quran 6:109-110)*

Dan disini kami mengumpulkan beberapa bentuk mukjizat yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W.

## **MUKJIZAT NABI MUHAMMAD (BAHAGIAN 2/3)**

### **KEJADIAN BULAN TERBELAH DUA**

Antara salah satu masa di mana Allah SWT memberikan mukjizat kepada Rasulullah SAW adalah ketika penduduk Mekah menuntut suatu mukjizat daripada Nabi Muhammad SAW bagi membuktikan kebenarannya. Allah SWT telah membelahkan bulan kepada dua bahagian yang berasingan dan kemudian mencantumkannya kembali. Peristiwa ini tercatat dalam Al-Quran :

*“Saat (hari kiamat) semakin dekat, bulan pun terbelah.”*

*(Quran 54 :1)*

Nabi Muhammad SAW akan membacakan ayat-ayat Al-Quran ini ketika solat berjemaah pada hari Jumaat dan kedua-dua solat hari Raya. Sekiranya peristiwa itu tidak terjadi, masyarakat Muslim sendiri akan meragui agama mereka dan akan meninggakannya! Penduduk Mekah akan berkata, ‘*Hei, nabi kamu adalah seorang pendusta, bulan tidak akan pernah terbelah, dan kami tidak pernah melihat ia terbelah!*’ Sebaliknya, golongan beriman semakin bertambah kuat kepercayaan mereka dan satu-satunya penafian penduduk Mekah yang boleh difikirkan adalah, ‘*Ini semua adalah ilmu sihir yang terus-menerus!*’

*“Saat (hari kiamat) semakin dekat, bulan pun terbelah. Dan jika mereka (orang-orang musyrik) melihat suatu tanda (mukjizat), mereka berpaling dan berkata, ”Ini adalah sihir yang terus-menerus.” Dan mereka mendustakan (Muhammad) dan mengikuti keinginannya, padahal setiap urusan telah ada ketetapannya.” [Quran 54:1-3]*

Peristiwa bulan terbelah dua ini diakui oleh beberapa penyaksian yang diriwayatkan oleh ramai perawi yang dipercayai, dan ini adalah mustahil untuk dikatakan palsu. (hadis mutawatir).

Seorang pengkritik mungkin bertanya, adakah kita mempunyai bukti daripada sejarah lampau bagi membuktikan bahawa bulan pernah terbelah? Lagipun, penduduk dunia pasti pernah menyaksikan peristiwa ini dan merekodkannya.

Jawapan untuk soalan ini mungkin ada kekhilafan.

Pertamanya, penduduk dunia tidak mungkin dapat menyaksikannya kerana mungkin pada waktu itu siang hari, lewat malam atau awal pagi di tempat yang berlainan di dunia. Jadual i berikut akan memberikan pembaca sedikit gambaran berkenaan waktu-waktu di seluruh dunia ketika di Mekah pukul 9.00 malam.

Negara	Waktu
Mekah	9:00 malam
India	11:30 malam
Perth	2:00 pagi
Reykjavik	6:00 petang
Washington D.C.	2:00 petang
Rio de Janeiro	3:00 petang
Tokyo	3:00 pagi
Beijing	2:00 pagi

Selain itu, tiada kemungkinan bahawa kebanyakan manusia di kawasan berdekatan dapat melihat bulan itu pada waktu yang sama. Mereka tiada sebab untuk melakukannya. Jikalau ada seseorang yang menyaksikannya, tidak bermakna bahawa orang akan mempercayainya dan menyimpan rekod mengenainya, lebih-lebih lagi ketika di mana tamadun waktu itu tidak merekodkan sejarah mereka melalui penulisan.

Keduanya, sebenarnya kita mempunyai bukti sejarah yang amat menakjubkan tentang peristiwa itu daripada Raja India ketika itu.

Kerala ialah sebuah negeri di India. Negeri itu melingkupi 360 mil (580 kilometer) di sepanjang Persisiran Malabar di bahagian barat daya Semenanjung India. Raja


Chakrawati Farmas of Malabar adalah Raja Chera, Cheraman perumal di Kodungallure. Direkodkan bahawasanya beliau telah menyaksikan kejadian bulan terbelah. Insiden ini didokumentasikan di dalam sebuah manuskrip yang disimpan di India Office Library, London, nombor rujukan : Arabic, 2807,152-173. Sekumpulan pedagang Muslim telah merentasi Malabar ketika dalam perjalanan ke China telah berbicara kepada Raja tentang bagaimana Allah telah menolong Nabi Arab dengan mukjizat membelah bulan menjadi dua. Raja itu terkejut kerana baginda telah melihatnya sendiri dengan matanya sendiri, dan telah mengutuskan anaknya, untuk bergerak ke Arab bagi bertemu Nabi secara peribadi. Raja Malabari itu bertemu dengan Nabi, mengucapkan syahadahnya, mempelajari asas akidah, tetapi meninggal dunia ketika perjalanan pulang dan dikebumikan di bandar pelabuhan Zafar, Yaman.

Dikatakan bahawasanya kumpulan ini yang diketuai oleh seorang Muslim, Malik ibn Dinar, menyambung perjalanan mereka ke Kodungallure, ibu kota Chera, dan telah membina masjid pertama dan tertua India pada tahun 629 sebelum Masihi yang masih wujud hingga kini.



*Gambar sebelum pembaikpulihan Masjid Cheraman Juma, masjid tertua India bertarikhkan 629 Sebelum Masihi.*

Berita mengenai beliau memeluk Islam telah sampai ke Kerala di mana masyarakatnya telah memeluk Islam. Penduduk Lakshadweep dan Moplas (Mapillais) dari daerah Calicut di negeri Kerala telah memeluk Islam semenjak kejadian itu.



*Masjid Cheraman Juma, dinamakan sempena muallaf pertama, Cheraman perumal Chakrawati Farmas selepas pemberbaikpulihan.*


Penyaksian dan pertemuan Raja India tersebut dengan Nabi Muhammad juga telah diriwayatkan oleh sumber Muslim. Ahli sejarah Muslim yang terkenal, Ibn Kathir, menyebut tentang peristiwa bulan terbelah ini yang disaksikan di kawasan-kawasan di India. Juga, kitab-kitab hadis telah meriwayatkan kedatangan Raja India dan pertemuannya dengan Nabi SAW. Abu Sa'id al-Khudri, sahabat Nabi Muhammad SAW meriwayatkan :

*“Raja India menghadiakan Nabi dengan sebalang halia. Para sahabat memakannya sekeping demi sekeping. Aku turut merasainya sekali.”*

Raja itu dianggap sebagai seorang ‘sahabat’-istilah digunakan untuk seorang yang berjumpa dengan Rasulullah dan meninggal dunia sebagai seorang Muslim- nama beliau tercatat dalam catatan besar yang menyenaraikan para sahabat Rasulullah SAW.

## **ISRA' DAN MI'RAJ**

Beberapa bulan sebelum peristiwa hijrah dari Mekah ke Madinah, Allah SWT telah membawa Nabi Muhammad SAW dalam sebuah perjalanan dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin semalam, sebulan perjalanan sepanjang 1230 kilometer untuk sebuah kereta. Dari Palestin, dia diangkat ke syurga, melepassi sempadan-sempadan alam dunia ke alam ghaib, bertemu Allah dan menyaksikan tanda-tanda kebesaran-Nya (Al-Ayatul Kubra). Kebenarannya terbukti melalui dua cara. Pertamanya, Rasullah menjelaskan satu rombongan yang baginda terserempak ketika perjalanan pulang dan menceritakan di mana mereka dan bila mereka dijangka tiba di Mekah; dan setiap daripada rombongan itu tiba seperti dijangkakan dengan butiran yang telah dijelaskan. Keduanya, baginda diketahui tidak pernah pergi ke Palestin sebelum ini, tetapi baginda mampu menggambarkan Masjidil Aqsa kepada pengkritik seolah-olah Baginda pernah melihatnya sendiri.



Perjalanan ghaib ini telah diceritakan dalam Al-Quran,

*“Mahasuci (Allah), yang telah memperjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang telah Kami berkahsi sekelilingnya agar Kami*

*perlihatkan kepadanya sebahagian tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya, Dia Maha Mendengar, Maha Melihat.” (Quran 17:1)*

*“Maka apakah kamu (musyrikin Mekah) hendak membantahnya tentang apa yang dilihatnya itu? Dan sungguh, dia (Muhammad) telah melihatnya (dalam rupanya yang adil) pada waktu yang lain (yaitu) di Sidratul Muntaha, di dekatnya ada syurga tempat tinggal, (Muhammad melihat Jibrail) ketika Sidratul Muntaha diliputi oleh sesuatu yang meliputinya, penglihatannya (Muhammad) tidak menyimpang dari apa yang dilihatnya itu dan tidak (pula) melampauinya. Sungguh, dia telah melihat sebahagian tanda-tanda (kebesaran) Tuhan yang paling besar.” [Quran, 53 :12-18]*

Peristiwa ini turut disahkan menerusi penyaksian sendiri yang diriwayatkan oleh perawi-perawi hadis yang dipercayai (hadis mutawatir).



*Pintu masuk Masjidil Aqsa di mana darinya Rasullah dimikrajkan. Gambar dari Thekra A. Sabri*

### **MUKJIZAT NABI MUHAMMAD (BAHAGIAN 3/3)**

Terdapat banyak mukjizat lain telah dipersembahkan oleh Rasulullah S.A.W yang berkait rapat dengan Sunnah, atau perkataan, perbuatan, pengakuan dan gambaran mengenai Rasulullah S.A.W sendiri.

### **SEBATANG POKOK YANG RENDANG**

Di Madinah, Nabi Muhammad S.A.W sering menyampaikan khutbah sambil bersandar pada sebuah pokok yang rendang. Apabila bilangan orang yang beriman kian meningkat, seseorang telah mencadangkan supaya membina sebuah mimbar agar baginda boleh berkhutbah di situ. Setelah mimbar siap dibina, baginda telah mengabaikan pokok tersebut. Abdullah ibn Umar, salah seorang daripada para sahabat, menyaksikan sendiri kejadian yang berlaku. Kedengaran pokok itu menangis, lalu baginda yang bersifat penyayang itu, pergi menenangkan dengan mengusap tangan baginda pada batang pokok tersebut.[1]

Kejadian itu turut diakui oleh beberapa penyaksian yang diriwayatkan oleh perawi yang thiqah (hadis mutawatir).[2]

### **AIR YANG MENGALIR**

Lebih daripada satu peristiwa berlaku di mana penduduk sangat terdesak memerlukan air, lalu disebabkan rahmat Rasulullah S.A.W, mereka terselamat. Pada tahun ke-6 setelah baginda berhijrah daripada Makkah ke Madinah, Nabi Muhammad pergi ke Makkah untuk menunaikan haji. Dalam perjalanan yang jauh merentasi padang pasir itu, penduduk telah kehabisan air, yang tinggal pada Rasulullah S.A.W. hanyalah sebuah bekas air yang digunakan oleh baginda untuk berwuduk. Baginda pun memasukkan tangan ke dalam bekas tersebut,kemudiannya mengalirlah air di celah-celah jari baginda. Jabir ibnu Abdullah, yang melihat kejadian itu, telah berkata lima ribu orang lelaki, ‘Kami minum dan berwuduk’.[3] Mukjizat ini telah diriwayatkan oleh perawi-perawi yang thiqah (hadis mutawatir).[4]

Pancuran air daripada celahan jari baginda Rasulullah S.A.W disamakan dengan mukjizat Nabi Musa A.S yang mengeluarkan air daripada batu.

### **KERBERKATAN MAKANAN**

Lebih daripada satu peristiwa berlaku, di mana baginda Rasulullah S.A.W memberkati makanan dengan cara berdoa ataupun menyentuhnya, dengan itu semua yang hadir dapat menikmati secukupnya. Hal ini terjadi ketika mana orang Islam mengalami kekurangan makanan dan air.[5] Mukjizat-mukjizat ini berlaku pada saat ramainya orang dan adalah mustahil untuk menidakkannya.

### **MENYEMBUHKAN YANG SAKIT**

Abdullah ibnu Ateek telah patah kaki dan Rasulullah S.A.W telah menyembuhkannya dengan menyapu tangan baginda pada kaki yang patah itu. Abdullah berkata bahawa seolah-olah kakinya tidak pernah patah .Sahabat yang lain, Bara' ibnu Azib turut menyaksikan kejadian itu.(Sahih Al-Bukhari)

Semasa operasi Khaibar, Rasulullah telah menyembuhkan mata Saidina Ali ibnu Abi Talib yang kesakitan di hadapan semua tentera. Ali, kemudiannya menjadi khalifah keempat bagi orang Muslim.[6]

### **MENGUSIR SYAITAN**

Muhammad telah mengusir syaitan keluar daripada tubuh seorang budak lelaki,yang dibawa berjumpa kepada baginda oleh ibunya. Baginda berkata kepada syaitan itu,"Keluarlah, aku Muhammad, pesuruh Allah." Ibu tersebut berkata,"Demi Allah yang mengutusmu dengan kebenaran, tidak pernah kami melihat keburukan ada padanya'.[7]

### **DOA YANG MAKBUL**

- (1) Ibu kepada Abu Huraira, sahabat Nabi Muhammad sering memburukkan Islam dan Rasulullah S.A.W.Pada suatu hari, Abu Huraira datang mengadu kepada Rasulullah S.A.W dan memohon agar baginda mendoakan keselamatan ibunya. Nabi Muhammad pun berdoa dan setelah Abu Huraira pulang ke rumah, ibunya telah terbuka hati untuk menerima Islam. Dia pun mengucapkan kalimah syahadah di hadapan anaknya dan memeluk agama Islam.[8]

(2) Jarir ibnu Abdullah telah diamanahkan oleh Rasulullah S.A.W untuk menjajah tanah jajahan pemerintah yang kufur kepada Allah, namun beliau mengadu tidak dapat menunggang kuda dengan baik. Maka Rasulullah S.A.W pun mendoakan beliau,"Ya Allah, jadikanlah dia seorang penunggang kuda yang baik dan golongkanlah dia dalam golongan yang memberi tunjuk dan ditunjukkan." Jarir mengatakan sejak itu, dia tidak pernah jatuh daripada menunggang kuda.[9]

(3) Semasa hayat baginda Rasulullah S.A.W, penduduk pernah diuji dengan kebuluran. Seorang lelaki telah berdiri semasa Rasulullah S.A.W menyampaikan khutbah mingguan pada hari Jumaat,dan berkata,"Ya Rasulullah,harta kami telah musnah dan anak-anak kami kelaparan.Doakanlah untuk kesejahteraan kami".Nabi Muhammad pun menadah tangannya untuk berdoa.

Mereka yang hadir mengatakan bahawa pada ketika baginda menurunkan tangannya selepas berdoa, awan mula berkumpul seperti gunung.

Ketika mana baginda melangkah turun daripada mimbar, air hujan mula menitik daripada janggutnya.

Hujan turun sepanjang minggu sehingga ke hari Jumaat yang seterusnya.

Lelaki yang sama berdiri sekali lagi, seraya berkata,'Ya Rasulullah ,rumah-rumah kami musnah,barang-barang kami dihanyutkan banjir. Doakanlah untuk kesejahteraan kami."

Nabi Muhammad pun mengangkat tangannya untuk berdoa,'Ya Allah, turunkanlah hujan di sekeliling kami, dan bukannya ke atas kami'.

Mereka yang hadir mengatakan bahawa awan bergerak ke arah yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.AW, bandar Madinah dikelilingi oleh awan tetapi tiada awan berada di atas mereka.[10]

(4) Ini satu kisah yang menarik mengenai Jabir. Beliau menceritakan yang suatu hari, unta yang ditunggangnya keletihan kerana selalu mengangkat air. Unta itu tidak dapat berjalan lagi. Nabi Muhammad pun bertanya kepadanya,"Kenapa dengan unta kamu wahai Jabir?"Setelah mengetahui punca keletihan unta itu, baginda pun berdoa untuknya. Semenjak itu, unta tersebut selalu berada di barisan hadapan berbanding dengan unta-unta yang lain. Nabi Muhammad bertanya kepada Jabir,"Bagaimana keadaan untamu?" Jabir menjawab,"Alhamdulillah baik,kerana berkatmu wahai Rasulullah". Baginda pun menyatakan hasratnya ketika itu untuk membeli unta kepunyaan Jabir dengan nilai satu keping emas, dengan syarat Jabir membawanya pulang ke Madinah. Ketika tiba di Madinah, Jabir pun membawa untanya kepada Rasulullah S.A.W keesokan harinya. Nabi Muhammad pun memberikan kepingan emas itu kepada Jabir lalu menyuruh Jabir untuk menyimpan semula untanya itu.[11]

Maka tidak hairanlah, orang ramai yang melihat mukjizat-mukjizat yang ada pada Rasulullah yakin dengan kebenaran yang dibawa oleh baginda.

[1]Sahih Al-Bukahri

[2]Lebih daripada sepuluh para sahabat Rasulullah S.A.W meriwayatkan bahawa mereka mendengar tangisan pokok itu.

Rujukan : Azhar al-mutanathira fi Al-Ahadith Al-Mutawatira oleh Al-Suyuti (ms 267),Nadhm Al-Mutanathira min Al-Hadith Al-Mutawatir oleh Al-Kattani (ms 209),dan Syamail oleh Ibnu Kathir (ms 239)

[3]Sahih Al-Bukhari

[4]Lebih daripada sepuluh para sahabat Rasulullah S.A.W meriwayatkan bahawa mereka mendengar tangisan pokok itu.

Rujukan : Nadhm Al-Mutanathira min Al-Hadith Al-Mutawatir oleh Al-Kattani (ms 212),Al-Shifa oleh Qadhi Iyyad Jilid 1 (ms 405),dan Al-Ilaam oleh Al-Qurtubi (ms 352)

[5]Sahih Al-Bukhari,Lihat Nadhm Al-Mutanathira min Al-Hadith Al-Mutawatir oleh Al-Kattani (ms213),dan Al-Shifa oleh Qadhi Iyyad Jilid 1 (ms 419)

[6]Sahih Al-Bukhari,Sahih Muslim

[7]Musnad Imam Ahmad,dan Syarah Al-Sunnah

[8]Sahih Muslim

[9]Sahih Muslim

[10]Sahih Al-Bukhari,Sahih Muslim

[11]Sahih Al-Bukhari,Sahih Muslim

Artikel ini diterjemahkan oleh:

Abrar Sabawi - Farah Aqilah - Fatin Farhana